



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP20 : GARIS PANDUAN MENGENAI FEDERASI KOPERASI KREDIT

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta). Ia bertujuan untuk memberi panduan mengenai pendaftaran, operasi dan keperluan kawal selia federasi koperasi kredit (*federation of credit co-operative societies*).

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“federasi koperasi kredit” atau “federasi” ertinya suatu kesatuan atau pakatan secara sukarela di kalangan koperasi-koperasi kredit;

“koperasi kredit” ertinya koperasi yang dalam undang-undang kecilnya melaksanakan fungsi kredit; dan

“Kumpulan Wang Anggota” (KWA) terdiri daripada:

- (a) syer anggota;
- (b) yuran anggota;
- (c) syer bonus;
- (d) syer ditebus;
- (e) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
- (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus;
- (g) akaun rizab modal;
- (h) akaun untung rugi terkumpul; dan
- (i) kumpulan-kumpulan wang lain yang diwujudkan untuk manfaat anggota.

LATAR BELAKANG

3. Peranan gerakan koperasi sebagai sektor ketiga menjadi semakin penting pada masa kini dan akan datang. Pengukuhan koperasi fungsi kredit melalui kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan adalah merupakan langkah yang bijak ke arah memantapkan tahap kemajuan dan pencapaian matlamat dalam pembangunan ekonomi Negara.
4. Penubuhan beberapa gabungan di kalangan koperasi kredit wajar digalakkan kerana pengumpulan modal, kepakaran dan tenaga membolehkan koperasi melibatkan diri dalam aktiviti lain pada skala yang lebih besar dan boleh memperkuuh daya saing koperasi.
5. Melalui penggabungan ini, koperasi boleh meneroka bidang-bidang perniagaan baru yang berkaitan dengan kewangan.

6. Kebanyakan koperasi kredit di Malaysia mempunyai modal yang tidak mencukupi dan tidak dapat menyediakan jumlah pembiayaan yang besar kepada anggota. Ini merupakan cabaran daripada segi citarasa dan keperluan anggota yang telah berubah. Bagi meningkatkan jumlah pembiayaan, koperasi kredit tidak dapat menyediakan sumber modal yang mencukupi dan akhirnya tidak dapat bersaing dengan koperasi besar dan institusi kewangan lain.

7. Banyak isu dan permasalahan di kalangan koperasi kredit terutamanya bagi pengumpulan sumber dana. Bilangan koperasi kredit yang banyak hanya akan menjelaskan keupayaan dan kemampuan koperasi kerana terpaksa bersaing sesama sendiri di samping menghadkan kemampuan bagi mencapai ekonomi berskala besar.

8. Bagi menangani cabaran koperasi kredit dalam pengumpulan modal yang besar dan keperluan pelanggan yang semakin bertambah, penubuhan federasi koperasi kredit (federasi) adalah merupakan satu alternatif terbaik. Dengan adanya federasi ini, ia dapat mencapai matlamat seperti berikut –

- (a) menyatukan kekuatan koperasi melalui bilangan anggota yang ramai dan seterusnya meningkatkan sumber modal;
- (b) mendapatkan pakar-pakar daripada pelbagai latar belakang pengalaman;
- (c) mengurangkan kos dan meluaskan pasaran melalui wujudnya ekonomi berskala besar (*economy of scale*) dan rangkaian kerjasama (*networking*);
- (d) meningkatkan penggunaan teknologi yang membawa kepada perkhidmatan yang lebih cekap; dan

- (e) meningkatkan kualiti dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada perkhidmatan yang diberi.
9. Federasi menitikberatkan kerjasama di kalangan anggotanya demi menjamin pembangunan federasi yang kukuh dan menjadi institusi yang penting dan efektif dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat. Federasi juga boleh memainkan peranan dalam memantau kepatuhan anggotanya terhadap perundangan koperasi dan perundangan lain termasuk penggubahan wang haram dengan berkesan.
10. Ke arah itu, federasi diwujudkan untuk menggembung sumber dan meningkatkan kebolehupayaannya sebagai alternatif dalam industri kewangan.

BAHAGIAN B : PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN FEDERASI

OBJEKTIF FEDERASI KOPERASI KREDIT

11. Objektif federasi hendaklah merangkumi –
- (a) menerima deposit daripada anggota;
 - (b) menerima deposit daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya;
 - (c) menyediakan kemudahan pembiayaan kepada anggota pada kadar yang munasabah; dan
 - (d) menyediakan perkhidmatan kewangan lain kepada anggota.

12. Federasi hendaklah memainkan peranan antaranya –

- (a) menggembang, menyedia dana serta sumber-sumber kewangan bagi menjalankan objektifnya;
- (b) memberi perkhidmatan termasuk –
 - (i) perundingan;
 - (ii) pengumpulan data;
 - (iii) perakaunan; dan
 - (iv) kesetiausahaans
- (c) membentuk suatu Jawatankuasa Syariah sebagai rujukan bagi koperasi anggota yang melaksanakan aktiviti berlandaskan prinsip Syariah;
- (d) menyediakan perkhidmatan teknikal, pendidikan, sokongan dan kewangan yang perlu bagi penubuhan, kestabilan, pertumbuhan dan penyatuan koperasi-koperasi kredit;
- (e) menganjurkan dan melaksanakan program-program promosi bagi faedah dan kemajuan koperasi-koperasi kredit;
- (f) menganjurkan seminar, persidangan dan bengkel untuk kepentingan anggota;
- (g) menjadi perantaraan (*intermediary*) antara koperasi kredit dengan badan kawal selia dalam membangun dan memperkuuh koperasi kredit; dan

- (h) mewakili kepentingan anggota di peringkat nasional.

PERMOHONAN PENUBUHAN FEDERASI

13. Federasi hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya –

- (a) **lima** koperasi kredit asas;
- (b) **dua** koperasi kredit menengah; atau
- (c) **satu** koperasi kredit menengah dan **dua** koperasi kredit asas.

14. Permohonan bagi penubuhan sesebuah federasi hendaklah mengikut prosedur seperti mana yang digariskan dalam GP12 : Garis Panduan Penubuhan Koperasi.

15. Kelayakan keanggotaan federasi adalah seperti berikut:

- (a) koperasi asas atau menengah yang fungsinya kredit; dan
- (b) telah didaftarkan dan beroperasi sekurang-kurangnya **dua** tahun.

PERMOHONAN PENDAFTARAN FEDERASI

16. Federasi hendaklah –

- (a) menyediakan modal permulaan minimum berdasarkan KWA sebanyak **RM50** juta dalam tempoh **lima tahun** pertama; dan
- (b) menyenggara modal minimum ini tanpa terjejas oleh kerugian pada setiap masa.

17. Perkataan ‘federasi’ hendaklah menjadi sebahagian daripada nama atau jenama koperasi ini.

18. Semasa mengemukakan permohonan pendaftaran, maklumat berikut hendaklah dikemukakan –

(a) **pelan perancangan perniagaan** sekurang-kurangnya bagi **tiga** tahun yang akan datang. Pelan ini akan mengandungi keupayaan federasi dari segi kepakaran dan penggembangan sumber-sumber yang akan digunakan untuk menyumbang kepada pembangunan gerakan koperasi keseluruhannya serta kepada keluaran negara umumnya; dan

(b) **maklumat calon anggota Lembaga** seperti berikut:

(i) maklumat peribadi seperti di **Lampiran 1**;

(ii) laporan kredit di Institusi Kewangan (CCRIS) daripada Bank Negara Malaysia (BNM); dan

(iii) laporan status kebankrapan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia.

19. Suruhanjaya boleh secara bertulis pada bila-bila masa menghendaki maklumat tambahan dan menetapkan syarat-syarat tambahan sekiranya perlu bagi pendaftaran federasi.

SUMBER WANG

20. Wang sesuatu federasi boleh diperoleh melalui –

(a) fi masuk;

- (b) fi tahunan;
- (c) syer;
- (d) yuran bagi tujuan sumber aktiviti pembiayaan; dan
- (e) deposit atau pinjaman.

BAHAGIAN C : ORGANISASI DAN PENGURUSAN FEDERASI

Tadbir urus

21. Struktur tadbir urus federasi hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut –

- (a) Lembaga federasi hendaklah memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti mana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) pengurusan berasingan daripada Lembaga federasi;
- (c) Jawatankuasa Audit Dalaman yang bebas; dan
- (d) jawatankuasa lain yang dibentuk seperti Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Penggajian dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Anggota Lembaga

22. Federasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang terdiri daripada tidak kurang daripada **enam** dan tidak lebih daripada **lima belas** orang anggota tertakluk **satu pertiga** jumlah anggota Lembaga hendaklah dipersetujui oleh Suruhanjaya.

23. Untuk mengelak situasi percanggahan kepentingan dalam pengurusan federasi, anggota Lembaga federasi tidak dibenarkan memegang jawatan lebih daripada sebuah federasi kecuali federasi kebangsaan atau nasional.
24. Walau bagaimanapun, anggota Lembaga federasi dibenarkan memegang jawatan anggota Lembaga di koperasi atau syarikat lain tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
- (a) koperasi asas, menengah dan atasan sesebuah koperasi yang mempunyai sinergi dengan koperasi asas tersebut;
 - (b) koperasi dalam fungsi yang berlainan; dan
 - (c) syarikat atau organisasi yang berasaskan keuntungan.
25. Bilangan jawatan anggota Lembaga yang boleh dipegang oleh seseorang anggota dalam koperasi atau organisasi seperti yang dinyatakan di para 23 dan 24 hendaklah tidak melebihi **lima** pada sesuatu masa.
26. Anggota Lembaga dibenarkan mewakili federasi dalam subsidiarinya tetapi hendaklah tidak melebihi **satu pertiga** daripada jumlah anggota Lembaga federasi.
27. Apabila seseorang anggota Lembaga memegang jawatan dalam beberapa koperasi lain, beliau hendaklah memastikan masa dan tumpuan yang secukupnya dapat diberikan kepada hal-ehwal setiap koperasi yang diwakilinya. Garis panduan dalaman perlu disediakan dengan memberi penekanan terhadap pembahagian masa dan tumpuan oleh anggota Lembaga yang mempunyai komitmen seperti di atas.

Kelayakan Lembaga

28. Lembaga hendaklah mewakili koperasi yang memenuhi kriteria berikut:
- (a) syer minimum sekurang-kurangnya **RM1 juta**;
 - (b) KWA yang positif;
 - (c) menerima penarafan sekurang-kurangnya **3** bintang hasil daripada Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE) yang dijalankan oleh Suruhanjaya; dan
 - (d) mempunyai keuntungan bagi tempoh **tiga** tahun terakhir.
29. Federasi hendaklah, sebelum pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga, meminta penentusan daripada Suruhanjaya sebagaimana yang ditentukan oleh GP3 : Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi.
30. Lembaga hendaklah memiliki pengetahuan dan pengalaman yang munasabah dalam bidang-bidang yang dinyatakan di **Lampiran 2** di mana sekurang-kurangnya:
- (a) **satu pertiga** daripada anggota Lembaga hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan seperti insurans atau takaful, pelaburan dan perbankan; dan
 - (b) seorang daripada anggota Lembaga hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang perundangan. Walau bagaimanapun, perenggan ini tidak terpakai sekiranya anggota Lembaga ini terdiri daripada kalangan anggota Lembaga di bawah para (a) di atas.

Hilang kelayakan sebagai anggota Lembaga

31. Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga federasi jika —
- (a) telah terbukti terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (b) menjadi tidak sempurna akal atau selainnya menjadi tak berupaya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya;
 - (c) tidak menghadiri mesyuarat Lembaga **tiga** kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
 - (d) koperasi yang diwakilinya berhenti menjadi anggota federasi;
 - (e) koperasi yang diwakilinya dibatalkan pendaftarannya oleh Suruhanjaya;
 - (f) telah tidak memegang jawatan sebagai anggota Lembaga dalam koperasi anggota; atau
 - (g) telah dipecat atau digantung sebagai anggota Lembaga dalam koperasi anggota di bawah Akta Koperasi 1993.

Pelantikan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

32. Menurut seksyen 42A Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada **tiga** dan tidak lebih daripada **lima** orang anggota yang dilantik oleh Lembaga.

33. Federasi hendaklah mematuhi **GP4 : Garis Panduan Pelantikan dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman**.

34. JAD hendaklah mempunyai kepakaran atau pengalaman dalam bidang kewangan, perakaunan atau pgauditan.

Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengawal Kewangan

35. Pelantikan dan pelantikan semula ketua pegawai eksekutif dan pengawal kewangan federasi hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya dan memenuhi kriteria kelayakan seperti di **Lampiran 2**.

BAHAGIAN D : KEPERLUAN KAWAL SELIA

KEHEMATAN

Kecukupan modal

36. Pengiraan kecukupan modal hendaklah berdasarkan kepada rangka kerja Nisbah Kecukupan Modal dan peratusan minimumnya hendaklah dikekalkan pada setiap masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Likuiditi

37. Pengiraan likuiditi hendaklah berdasarkan kepada rangka kerja likuiditi dan peratusan minimumnya hendaklah dikekalkan pada setiap masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Had pembiayaan

38. Jumlah pembiayaan kepada setiap koperasi anggota dihadkan kepada **dua puluh lima peratus** daripada KWA. Had tersebut terpakai kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan atau baki pembiayaan, yang mana lebih tinggi.
39. Had berhemat bagi jumlah pembiayaan tersebut hendaklah berdasarkan kepada rangka kerja mengenai had pemberian pembiayaan kepada setiap koperasi anggota yang perlu dipatuhi pada setiap masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Pembiayaan kepada pihak yang berkaitan (*connected lending*)

40. Pelaksanaan pemberian pembiayaan kepada pihak yang berkaitan yang mempunyai kepentingan, hubungan atau boleh mempengaruhi keputusan federasi, hendaklah mengisyiharkan kepentingannya dalam pemberian pembiayaan tersebut dan tertakluk kepada arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Klasifikasi Pembiayaan Tak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Hutang Ragu

41. Federasi dikehendaki untuk mematuhi:
 - (a) Garis Panduan Bagi Mengklasifikasikan Pinjaman Tak Berbayar Dan Peruntukan Bagi Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu serta arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa; dan

- (b) menyenggara peruntukan am sekurang-kurangnya **1.5 peratus** daripada jumlah pinjaman selepas ditolak faedah tergantung dan peruntukan hutang rugu dan hutang lapuk.

Pengurusan risiko

42. Federasi dikehendaki mempunyai infrastruktur pengurusan risiko yang sesuai untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko dalam aktivitinya. Infrastruktur tersebut seharusnya mengandungi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- (a) had risiko yang berhemat;
- (b) metodologi bersesuaian bagi mengukur risiko dan pemantauan risiko yang berterusan;
- (c) kekerapan pelaporan pengurusan mengenai risiko tertentu; dan
- (d) sistem pengurusan maklumat yang mencukupi.

43. Infrastruktur berkenaan memerlukan penglibatan aktif Lembaga federasi yang menjalankan aktivitinya dan pengurusan untuk memantau dan menilai pengurusan risiko dan prosesnya. Lembaga perlu meluluskan dasar yang konsisten dengan strategi perniagaan, kedudukan modal sedia ada, kebolehan pengurusan dan kesediaan federasi mengambil risiko. Pengurusan perlu memaklumkan Lembaga mengenai pendedahan risiko dan secara proaktif, mengkaji semula dasar dan prosedur pengurusan risiko federasi seiring dengan perubahan profil risikonya.

44. Kawalan dalaman merupakan komponen penting agar federasi beroperasi dengan baik dan selamat. Kawalan dalaman yang berkesan dan kukuh akan membantu mengurangkan risiko kerugian luar jangkaan dan dapat memastikan supaya objektif federasi dicapai. Lembaga dan pengurusan hendaklah memastikan

federasi mengendalikan perniagaannya selaras dengan amalan kawalan dalaman dan mematuhi rangka kerja perundangan dan kawal seliaan yang sedia ada.

Mesyuarat agung

45. Federasi hendaklah mengadakan suatu mesyuarat agung dengan merujuk kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan GP14 : Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung.

Keperluan kehematan lain yang ditetapkan

46. Federasi juga hendaklah memenuhi keperluan-keperluan dan syarat-syarat kehematan lain yang ditetapkan Suruhanjaya dan agensi kawal selia yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Pembangunan modal insan

47. Federasi hendaklah menyediakan satu program orientasi dan pembelajaran berterusan serta perancangan kerjaya (*career path*) dan penggantian (*succession planning*) untuk pembangunan modal insan. Program tersebut adalah berkaitan dengan pengurusan perniagaan, isu semasa, strategi korporat, perundangan yang relevan dan risiko yang sentiasa berubah-ubah.

Syariah

48. Federasi yang menjalankan aktiviti-aktivitinya berlandaskan prinsip-prinsip Syariah hendaklah –

- (a) membentuk suatu Jawatankuasa Syariah yang juga menjadi rujukan Syariah bagi anggota-anggotanya; atau
- (b) merujuk kepada mana-mana Penasihat Syariah di institusi lain yang diiktiraf untuk memastikan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.

Kapasiti

49. Federasi berkemampuan menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi, modal insan dan pemprosesan aktivitinya.

Keperluan-keperluan lain yang ditetapkan

50. Federasi hendaklah memenuhi keperluan-keperluan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan Suruhanjaya dan agensi kawal selia lain yang berkaitan.

OPERASI

Juruaudit luar

51. Federasi hendaklah melantik juruaudit luar di mana pelantikan atau pelantikan semula juruaudit tersebut hendaklah mematuhi kehendak Akta Koperasi 1993.

Pengsumberanluar (*Outsourcing*) fungsi bukan teras

52. Federasi boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi fungsi bukan teras. Walau bagaimanapun, federasi hendaklah mempunyai tanggungjawab dan kawalan terhadap fungsi tersebut.
53. Federasi yang menggunakan khidmat pihak ketiga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi –
- (a) kajian semula pemeriksaan wajar dilaksanakan terhadap pihak ketiga;
 - (b) kelulusan Lembaga federasi diperolehi;
 - (c) perjanjian perkhidmatan diadakan;
 - (d) akujanji bertulis pihak ketiga disediakan untuk mematuhi peruntukan kerahsiaan; dan
 - (e) pelaporan dan mekanisma pemantauan yang teratur diwujudkan.

Aduan pelanggan

54. Federasi hendaklah menyediakan saluran dan mekanisma untuk menangani aduan daripada anggota atau pelanggannya mengenai aktiviti atau perkhidmatan yang dijalankan dan ditawarkan oleh federasi.

Pelaporan

55. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan,

keanggotaan, pengendalian dan kedudukan kewangan koperasi termasuk minit mesyuarat Lembaga.

56. Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa menghendaki federasi untuk mengemukakan maklumat-maklumat lain sebagai tambahan, jika perlu.

PENYELIAAN DAN PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

57. Federasi hendaklah komited untuk memastikan entitiya tidak disalahgunakan bagi aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

58. Oleh itu, federasi bertanggungjawab mewujudkan kawalan-kawalan yang mencukupi terutamanya pelaksanaan usaha wajar (*due diligence*) serta kaedah mengenali pelanggan (*know your customer*) dan melaporkan apa-apa transaksi yang luar biasa kepada Suruhanjaya bagi mengelak daripada digunakan sebagai konduit bagi aktiviti tersebut.

PEMELIHARAAN KERAHSIAAN

59. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota atau pelanggan yang diperoleh dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan federasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota atau pelanggan melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

AM

60. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana federasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMAKAIAN DAN TARikh KUAT KUASA

61. Garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya adalah terpakai kepada federasi selagi tidak diperuntukkan selainnya dalam garis panduan ini.

62. Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan peraturan, garis panduan atau arahan berhubung dengan federasi.

63. Semua federasi hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

64. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaianya mulai **1 Disember 2011**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **30 November 2011**

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”